

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT BELAS
17 APRIL 2020**

PERKARA : 5(B)(XV)20

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BUKIT TAMBUN
YB. GOH CHOON AIK**

20. Apakah tindakan MBSP, JAS, JPS dan Jabatan Veterinar terhadap pencemaran parit dan sungai oleh najis ternakan di SPS?
- (a) Adakah Kerajaan Negeri berhasrat menubuhkan satu *taskforce* untuk menangani isu yang telah berlarutan setengah dekad?
 - (b) Apakah tindakan MBSP sekiranya JAS tidak meluluskan EIA loji kumbahan berasaskan *biomass* di Valdor?

**YB. PHEE BOON POH
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

20. Tindakan terhadap pencemaran parit dan sungai oleh najis ternakan di SPS oleh Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP), Jabatan Alam Sekitar (JAS), Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) dan Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) dilaksanakan melalui Jawatankuasa Pasukan Khas Bagi Menangani Isu Pencemaran Sungai dan Laut. Tindakan yang dilaksanakan adalah tertakluk kepada punca kuasa jabatan-jabatan berkaitan seperti berikut:-
- (i) Pemantauan secara berterusan oleh MBSP di setiap ladang ternakan serta mengeluarkan notis, mengenakan kompaun, pembatalan lesen dan tindakan mahkamah bagi ladang yang melanggar syarat-syarat pelesenan oleh MBSP;

- (ii) Penyiasatan oleh JPV mengenai punca buangan sisa ladang ke dalam sungai serta mengarahkan penternak untuk menghentikan buangan sisa secara terus (*direct discharge*) ke dalam sungai;
 - (iii) Mengarahkan supaya sisa ternakan disalurkan ke sistem kumbahan ladang sedia ada dan dirawat bagi menangani isu pencemaran bau di ladang yang dikenal pasti oleh JPV;
 - (iv) Menetapkan supaya bacaan *Biological Oxygen Demand (BOD)* tidak melebihi 50 ppm bagi pelepasan sisa ladang. Ladang yang merekodkan bacaan BOD melebihi 50 ppm akan digantung permit pemindahan ternakan; dan
 - (v) Pemantauan kualiti air sungai secara berkala oleh JAS dan JPS bagi memastikan tindakan segera dapat diambil ke atas punca-punca pencemaran jika bacaan parameter kualiti air yang dikesan melebihi piawai yang ditetapkan.
- (a) Kerajaan Negeri memberi perhatian serius terhadap isu pencemaran sungai, pesisiran pantai dan laut. Sehubungan itu, Kerajaan Negeri melalui JPS telah menubuhkan Jawatankuasa Pasukan Khas Menangani Isu Pencemaran Sungai dan Laut peringkat negeri yang dipengerusikan oleh YB. Pengerusi Jawatankuasa MMK Kerja Raya, Utiliti Dan Tebatan Banjir. Manakala jawatankuasa peringkat daerah dipengerusikan oleh Pegawai Daerah masing-masing. Peranan jawatankuasa tersebut adalah untuk menangani isu-isu pencemaran di punca (*pollution at source*) yang menyebabkan pencemaran laut, sungai dan pantai.
- (b) Cadangan Projek Stesen Janakuasa 1 Megawatt Elektrik Berasaskan Biogas dan Biomas Sisa Ternakan di Kampung Valdor, SPS, Pulau Pinang merupakan inisiatif oleh Syarikat Timeless Green Sdn. Bhd. Pelaksanaan projek ini merupakan satu kaedah bagi mengalihkan (*diversion*) sisa

kumbahan ladang ternakan dari disalur terus (*direct discharge*) ke sistem perparitan dan sungai.

Berdasarkan perancangan asal, Stesen Janakuasa Biogas dan Biomas Sisa Ternakan di Kampung Valdor dijadualkan beroperasi pada April 2019. Walau bagaimanapun, pelaksanaan projek ini terpaksa ditangguhkan bagi memenuhi kehendak tambahan kepada Laporan Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling (EIA) sedia ada yang disyaratkan oleh Jabatan Alam Sekitar (JAS) melibatkan isu pelepasan air kumbahan dari loji dan tambahan komponen Laporan Impak Sosial (SIA) yang perlu disertakan dalam laporan keseluruhan EIA.

Pelaksana projek telah membentangkan laporan keseluruhan EIA sebagaimana yang disyaratkan kepada JAS dan jabatan-jabatan teknikal berkaitan pada 31 Disember 2019. Susulan pembentangan tersebut, pelaksana projek telah diminta untuk membuat beberapa pindaan tambahan kepada laporan EIA yang dibentangkan berdasarkan ulasan daripada setiap jabatan teknikal berkaitan. Pelaksana projek telah mengemukakan laporan EIA beserta pindaan sewajarnya kepada ibu pejabat JAS untuk semakan dan kelulusan pada 7 Februari 2020. Pihak JAS memaklumkan bahawa pertimbangan bagi kelulusan EIA hanya akan dikemukakan setelah selesai tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang sedang berkuatkuasa. Pihak pelaksana projek komited untuk melaksanakan projek ini dan optimis bahawa projek ini akan mendapat kelulusan EIA memandangkan pelaksanaan projek akan menyelesaikan isu *direct discharge* dari ladang ternakan yang merupakan punca utama pencemaran sungai-sungai di SPS.

Namun begitu, pelaksanaan projek stesen janakuasa biogas dan *biomass* tersebut hanya merupakan salah satu kaedah jangka pendek dalam menyelesaikan isu *direct discharge* yang merupakan penyebab pencemaran sungai-sungai di SPS dan bukan merupakan penyelesaian menyeluruh (*total solution*) kepada isu pencemaran yang

disebabkan oleh ladang ternakan babi yang beroperasi di SPS.

Penyelesaian menyeluruh kepada masalah pencemaran yang disebabkan oleh ladang ternakan babi hanya dapat diselesaikan melalui penguatkuasaan Enakmen Penternakan Babi Negeri Pulau Pinang 2016 yang akan berkuatkuasa bermula 1 Januari 2022. Enakmen ini mewajibkan penternak untuk menaik taraf ladang sedia ada kepada *Modern Pig Farming (MPF)* yang mempunyai empat (4) kriteria seperti berikut:-

- (i) Menaik taraf kepada sistem kandang tertutup;
- (ii) Zon penampakan dengan jarak 200 meter,
- (iii) Menggunapakai sistem kumbahan sifar; dan
- (iv) Amalan penternakan yang baik.

Justeru itu, MBSP menyokong penguatkuasaan enakmen ini sebagai langkah penyelesaian jangka panjang kerana ianya dapat mengawal keseluruhan operasi sektor ternakan babi dan memastikan isu pencemaran sungai dari ladang ternakan akan dapat di atasi sepenuhnya.